



PEKELILING BENDAHARI BIL. 4/2019

Dekan/ Pengarah/ Ketua/ Pengetua
Fakulti/ Institut/ Pusat/ Jabatan/ Kolej Kediaman
Universiti Kebangsaan Malaysia

Y.Bhg. Prof.Ulung/ Prof./ Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

KADAR BAYARAN SAGUHATI KERJA-KERJA PENYELIDIKAN

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

Pekeliling ini bertujuan untuk menerangkan mengenai panduan kadar bayaran saguhati bagi kerja-kerja penyelidikan dan seumpamanya di dalam melaksanakan program dan projek penyelidikan. Kadar bayaran saguhati ini telah diluluskan melalui mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan UKM Bil. 1/2019 pada 4 Mac 2019.

2. Secara umumnya Universiti kerap menerima tuntutan bayaran saguhati bagi pelaksanaan kerja-kerja penyelidikan dan program yang melibatkan bayaran kepada pelajar dan individu (pihak luar). Kerja-kerja ini dibuat tanpa pelantikan rasmi dan arahan kerja hanyalah berdasarkan kepada keperluan semasa dengan tujuan menjayakan program dan penghasilan projek penyelidikan tersebut.

3. Untuk makluman, bayaran saguhati kerja-kerja penyelidikan ini boleh dituntut maksimum 90 hari untuk setiap satu projek penyelidikan. Tempoh ini ditetapkan selaras dengan tempoh pelantikan pembantu penyelidik rasmi iaitu selama minimum tiga (3) bulan. Kadar yang telah diluluskan ini merupakan panduan yang perlu dipatuhi. Sekiranya terdapat bidang tugas dan arahan kerja yang tidak tersenarai, permohonan beserta justifikasi dari Ketua Projek/ Ketua Pusat Tanggungjawab (PTj) hendaklah dibuat dan kelulusan adalah tertakluk kepada Jabatan Bendahari. Rujuk Lampiran 1 Kadar Bayaran Saguhati Kerja-Kerja Penyelidikan.



MS ISO 9001:2015 Cert. No. : QMS 02549

JABATAN BENDAHARI

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Telefon: +603-8921 3000 Faksimili: +603-8921 3058 E-mel: bndahari@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my>

4. Kadar ini tidak terhad kepada peruntukan penyelidikan tetapi juga terpakai kepada peruntukan lain yang diperolehi secara sumber dalaman.

Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama-sama **Pekeliling Bendahari Bil. 12/2009 Tatacara dan Peraturan Mengenai Pengurusan Pendahuluan Pelbagai**. Sukacita sekiranya pekeling ini dapat disampaikan kepada semua pegawai dan kakitangan seliaan. Kerjasama Y.Bhg. Prof.Ulung/ Prof./ Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

“Akauntabiliti Pegangan Kita”

Yang benar,



NORINI MOHAMAD

Pengarah Eksekutif Kewangan
Universiti Kebangsaan Malaysia

- s.k - Naib Canselor, UKM
- Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Penyelidikan & Inovasi), UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Akademik & Antarabangsa), UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Pelajar & Alumni), UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Jaringan Industri & Masyarakat), UKM
 - Pro Naib Canselor (Penjanaan dan Prasarana)
 - Pro Naib Canselor (Strategi dan Pembangunan Korporat)
 - Pro Naib Canselor (Kampus Kuala Lumpur)
 - Pengarah Eksekutif Pentadbiran, UKM



MS ISO 9001:2015 Cert. No. : QMS 02549

JABATAN BENDAHARI

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Telefon: +603-8921 3000 Faksimili: +603-8921 3058 E-mel: bndahari@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my>



KADAR SAGUHATI KERJA-KERJA PENYELIDIKAN

BIL.	KATEGORI	JENIS KERJA	KADAR (RM)
1.	Pengumpulan Data	Input Data: Coding Key-in Kajian di perpustakaan Menyediakan soal selidik	0.50 /ms 0.50 /ms 5 – 10 /jam 20 /soalan
		Enumerator: Edar dan kutip Analisis (cth: SPSS, NVIVO) Menemuduga/ membanci Transkripsi Merakam Video	10 /soal selidik 15 /soal selidik 10 /soal selidik 60 – 100 /jam 50 – 100 /jam
2.	Pembangunan / Penyelenggaraan web atau blog	Membangunkan web Membangunkan blog Menyelenggara web atau blog	2000 – 4000 (pakej) 500 – 1000 (pakej) 25 – 50 /hari
3.	Kerja-kerja Pertanian	Mengurus ladang Contoh kerja-kerja seperti; <ul style="list-style-type: none"> • Angkat guni • Menuai • Mencangkul Membaja	50 – 100 sehari 200 p/plot
4.	Kerja-kerja penggambaran	Pengarah Penyunting Penolong Pengarah Pelakon utama	120 – 150/adegan 100 – 120/adegan 80 – 100/adegan 70 – 100/adegan



MS ISO 9001:2015 Cert. No. : QMS 02549

JABATAN BENDAHARI

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Telefon: +603-8921 3000 Faksimili: +603-8921 3058 E-mel: bndahari@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my>

BIL.	KATEGORI	JENIS KERJA	KADAR (RM)
5.	Kerja-kerja Pemetaan	Menggrid, mengukur, mendigit peta Mendigit dan menganalisa gunatanah	200 – 250 sehari 50 – 100 /jam
6.	Pemantauan	Sukat bacaan suhu/ cuaca <ul style="list-style-type: none"> • Populasi dan ekosistem haiwan • Mengenalpasti jenis hidupan (pokok, haiwan, serangga & tanah) 	25 – 50/hari 25 -50 /jam
7.	Lain-lain suguhati	Manusia sebagai sampel penyelidikan <i>Rapporteurs</i> Jurupandu arah Kerja-kerja rencam Manusia sebagai sampel penyelidikan	50 -100/kajian 500/program 25 -50/hari 5/jam 50 -100/kajian



MS ISO 9001:2015 Cert. No. : QMS 02549

JABATAN BENDAHARI

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
 Telefon: +603-8921 3000 Faksimili: +603-8921 3058 E-mel: bndahari@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my>